

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 20 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6527**

**SOALAN:**

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan berapakah jumlah bilangan pengwal keselamatan yang sah berdaftar di negara ini dan kriteria yang diterima pakai bagi perlantikan pengawal keselamatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sehingga 28 Februari 2014, jumlah pengawal keselamatan yang sah berdaftar di negara ini adalah seramai 249,946 pengawal keselamatan warganegara Malaysia dan seramai 6,746 orang warganegara asing (Nepal).**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan syarat dan peraturan pengambilan pengawal keselamatan untuk syarikat-syarikat kawalan keselamatan melalui Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 4 Tahun 2010 (syarat/peraturan pengendalian dan pengurusan Agensi Persendirian di bawah Seksyen 3 Akta Agensi Persendirian 1971) yang menyatakan bahawa syarat pengambilan pekerja dan pengawal keselamatan antaranya adalah seperti berikut:**

- a) warganegara Malaysia;**
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun;**
- c) pengawal keselamatan berumur lebih 65 tahun tidak dibenarkan. Bagi pengawal yang berumur 56 hingga 65 tahun hendaklah mendapat pengesahan dari Pegawai Perubatan mengenai tahap kesihatan bagi setiap tahun;**

- d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal seperti berikut:**
- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.52m (5') bagi wanita;**
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 47.6 kg (105 paun) bagi lelaki dan 46 kg (100 paun) bagi wanita;**
  - (iii) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan**
  - (iv) diakui sihat dan sesuai oleh Pegawai Perubatan. (Pengesahan dari Pegawai Perubatan adalah diperlukan bagi setiap pengawal yang diambil bekerja).**
- e) Lulus tapisan keselamatan oleh KDN; dan**
- f) Menjalani latihan asas pengawal keselamatan termasuklah latihan mengendalikan senjata api.**